

# Fasa pertama projek perkampungan atas air dilancar

UB 16.4.2019 A10

FASA pertama projek ‘Twinning Water Village Sabah and Brunei’ anjuran pelajar Projek Rundingcara Perhubungan Awam (PRPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berlangsung dengan jayanya di Kampung Weston, Beaufort, pada Rabu.

“Projek ini merupakan usaha pelajar PRPA untuk mewujudkan satu ukhuwah di antara etnik Melayu Brunei di Kampung Weston, Beaufort dan penduduk di Kampung Ayer, Negara Brunei Darussalam,” kata Pengarah PRPA 2019 Saufi Akmaluddin Sabli.

Beliau berkata projek itu turut berusaha menghubungkan etnik Melayu Brunei di Kampung Ayer, Brunei Darussalam dan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) supaya saling bekerjasama dalam mewujudkan kampung air yang

berkembang dari aspek budaya dan tradisi yang merangkumi jenis makanan tradisional, tarian tradisi dan sebagainya.

Acara di Kampung Weston telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Pengurus PMBS Weston Haji Liman Haji Yussof, Ketua Anak Negeri Haji Alias Saifudin, Wakil Ketua Anak Negeri Haji Sulaiman Panjang, Abdul Kadir Ali, Abdul Latif Haji Yusoff dan Al Sulaiman Saidin selaku ketua Kampung Weston Bahagian Darat, Laut dan Menengah, Pegawai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

Ali Akhbar Li Akhbar Hj Anuar dan Pegawai Pengurusan Pembangunan Zon (PPZ) Mohd Mohd Salleh.

Selaras dengan tema projek iaitu ‘Menyemai Perpaduan’, pelajar PRPA 2019 dikenalkan dengan adat dan tradisi



**PARA** pelajar PRPA UMS bersama-sama tetamu kehormat merakam gambar kenangan sempena program ‘Twinning Water Village Sabah and Brunei’ di Kampung Weston, Beaufort.

etnik Melayu Brunei di Kampung Weston. Aspek yang diperkenalkan adalah aktiviti ‘Bakarang’, pembuatan ‘Calak’ dan ‘Jelurut’ iaitu makanan tradisi etnik Brunei, dan tarian ‘Adai-Adai’ yang merupakan tarian tradisi

Brunei.

Para pelajar turut mengambil bahagian dalam aktiviti itu dengan para penduduk Kampung Weston.

Ketika ditemubual selepas acara, Penaung PRPA Dr Syahruddin Awang

Ahmad berkata program itu dijayakan oleh team PRPA 2019 untuk ‘Twinning Water Village Brunei and Sabah’ dan telah berjaya mencapai matlamatnya sebagaimana yang telah dinyatakan dalam tentatif program.

“Harapan saya agar anda dapat memastikan apa yang anda catatkan sebagai tentatif, apa yang digariskan sebagai peraturan untuk dipatuhi oleh para peserta, serta apa yang patut anda capai, dapat dicapai sebanyak mungkin,”

katanya.

Ketua Kampung Weston Bahagian Darat Abdul Kadir Ali, 53, berharap program silaturahim sedemikian tidak terhenti begitu sahaja dan sebolehnya dijadikan aktiviti tahunan.

Beliau berkata program itu mampu mengerakkan hubungan antara pelajar dan komuniti luar bandar.

“Kalau boleh, kami mahu masyarakat luar bandar dan universiti berpisah tiada, maknanya tidak ada jurang di antara masyarakat luar bandar itu dan pelajar universiti itu sendiri,” katanya.

Penajaan utama bagi fasa projek yang pertama itu diberikan oleh Sriho Auto Parts Sdn Bhd.

Program susulan projek Twinning Water Village Sabah and Brunei akan berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada 27 hingga 29 April ini.